

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

PPV sekolah dibuka mulai Isnin depan

Oleh Mohd Roji Kawi
dan Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

Kuching: Dalam usaha meningkatkan kadar suntikan bagi kanak-kanak, Pusat Pemberian Vaksin (PPV) sekolah akan dibuka di seluruh negara bermula Isnin ini bagi melaksanakan Program Imunisasi COVID-19 Kanak-Kanak (PICKids).

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Gha-

zali, berkata pemberian vaksin bagi kanak-kanak 5 tahun hingga 11 tahun amat penting bagi melindungi mereka daripada risiko jangkitan COVID-19.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mensasarkan 70 peratus kanak-kanak yang layak akan mendapat dos pertama dalam tempoh dua bulan pertama (sehingga Mac) dan lengkap dua dos dalam tempoh enam bulan menerusi pelaksana-

naan PICKids.

"Sebab itu kita akan membuka PPV di semua sekolah selewat-lewatnya 14 Februari ini supaya kita dapat mencapai sasaran 70 peratus atau 2 juta kanak-kanak yang sudah kembali ke sekolah menerima vaksin.

"KKM prihatin dengan keselamatan anak-anak dan mengambil langkah awal melaksanakan PICKids kerana kajian menunjukkan vaksinasi berke-

san sehingga 90.7 peratus," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan bagi meninjau pelaksanaan PICKids di Klinik Kesihatan (KK) Batu Kawa di sini, semalam.

Turut serta dalam lawatan itu, Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Kesihatan Awam, Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak, Datuk Seri Dr Sim Kui Hian.

Nasional 8

183,600 jawatan kosong baharu diwujudkan pada suku keempat 2021

Oleh Kamarulzaidi Kamis
kamarulzaidi@bh.com.my

Putrajaya: Jumlah kekosongan jawatan meningkat kepada 183,600 pada suku keempat 2021 susulan daripada pembukaan semula kebanyakan aktiviti ekonomi, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin, berkata daripada jumlah itu, 55.9 peratus atau 102,700 jawatan untuk kategori pekerjaan separuh mahir, manakala kategori mahir merangkumi 23.4 peratus atau 42,900 pekerjaan.

"Mengikut aktiviti ekonomi, lebih separuh kekosongan jawatan adalah di sektor pembuatan dengan 103,600 kekosongan jawatan (56.4 peratus), terutama dalam subsektor produk elektronik, elektronik dan optikal dan diikuti produk petroleum, kimia, getah dan plastik.

Nasional 2

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Mohd Syafiq dilantik KPPA baharu

Putrajaya: Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Seri Mohd Syafiq Abdullah dilantik sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) yang baharu, berkuat kuasa semalam bagi menggantikan Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman yang bersara wajib pada 16 Januari lalu.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata pelantikan berkenaan diperkenalkan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

"Pelantikan ini berdasarkan

pengalaman luas beliau dalam pelbagai bidang termasuk dasar, pengurusan dan perkhidmatan serta pernah berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia.

"Saya yakin dengan pengetahuan dan kredibiliti yang dimiliki, beliau mampu menggalas amanah dan tanggungjawab dalam menyokong usaha serta memastikan pembaharuan sektor awam selari dengan aspirasi kerajaan," katanya dalam kenyataannya, semalam.

Mohd Syafiq, 58, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Politik

(Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari Universiti Meiji, Jepun.

Beliau berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 30 tahun dengan jawatan pertama sebagai Penolong Setiausaha Bahagian Istiadat, Jabatan Perdana Menteri pada 1 Disember 1992.

Mohd Zuki mewakili kerajaan, merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Mohd Khairul Adib atas segala khidmat bakti beliau sepanjang perkhidmatan sebagai KPPA.



Mohd Syafiq Abdullah

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

8,686 jawatan tetap tambahan di KKM

Petugas mula terima surat tawaran lantikan dikeluarkan SPA Jun ini

Oleh Zanariah Abd Motalib dan Saadiah Ismail
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan bersetuju sebanyak 4,186 jawatan tetap tambahan diwujudkan di Kementerian Kesihatan (KKM) tahun ini bagi tujuan melantik seramai 3,686 pegawai perubatan, 300 pegawai pergigian dan 300 pegawai farmasi.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata lantikan akan dibuat bermula Jun ini dan Jemaah Menteri juga bersetuju sekurang-kurangnya 1,500 perjawatan tetap pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi diwujudkan di KKM pada setiap tahun mulai 2023 hingga 2025.

"KKM pada mesyuarat jemaah Menteri pada 19 Januari lalu membentangkan satu memorandum yang membincangkan mengenai tawaran baharu berhubung keperluan perjawatan tetap tambahan serta hala tuju pelaksanaan inisiatif bagi menangani isu berkaitan pegawai perubatan, pergigian dan farmasi kontrak.

"Pada mesyuarat itu, Jemaah Menteri bersetuju supaya sekurang-kurangnya 1,500 jawatan

tetap pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi diwujudkan di KKM pada setiap tahun mulai 2023 hingga 2025," katanya pada sidang media semalam.

Jemaah Menteri juga, katanya, bersetuju 800 jawatan tetap pakar perubatan dan 70 pakar pergigian diwujudkan di KKM pada setiap tahun mulai 2023 bagi mengisi keluaran pakar perubatan tetap di fasiliti kesihatan di bawah Kementerian berkenaan.

"Melalui keputusan terbaru ini, sekurang-kurangnya 8,686 perjawatan tetap tambahan membabitkan pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi akan diwujudkan sepanjang tempoh 2022 sehingga 2025.

"Sebagai tambahan juga, 800 lagi lantikan tetap untuk pegawai perubatan dan 70 pegawai pergigian boleh dibuat pada setiap tahun bagi mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh pegawai perubatan yang akan dilantik menjadi pakar perubatan," katanya.

Khairy berkata, Jemaah Menteri turut bersetuju dengan pelan hala tuju yang sedang dibangunkan KKM bersama agensi dan Kementerian berkaitan bagi mencari penyelesaian jangka pendek, sederhana dan panjang dalam kemelut berhubung pegawai lantikan kontrak.

"Antara kandungan dalam pelan hala tuju ini termasuk menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Sarjana Muda Perubatan (SMP) dan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian (SMPF) bagi mengoptimalkan kapasiti penawaran program dan mengawal kualiti graduan.

"Selain itu, menilai dan mengemas kini senarai Jadual Kedua Akta Perubatan 1971, melaksanakan Peperiksaan Kelayakan Profesional bagi menangani isu kualiti dan kompetensi graduan serta memperkukuhkan Program Pengajian Kepakaran Kebangsaan," katanya.

Beliau menjelaskan, kerajaan melaksanakan Dasar Pengoptimuman Sumber Manusia dalam Perkhidmatan Awam dan Dasar Kawalan Saiz Perkhidmatan

Melalui keputusan terbaru ini, sekurang-kurangnya 8,686 perjawatan tetap tambahan membabitkan pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi akan diwujudkan sepanjang tempoh 2022 sehingga 2025

Khairy Jamaluddin,
Menteri Kesihatan



Sekurang-kurangnya 1,500 jawatan tetap pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi diwujudkan setiap tahun mulai 2023 sehingga 2025 di KKM.
(Foto hiasan)

Awam mulai 2015 sebagai usaha untuk memastikan perbelanjaan awam dibuat secara berhemah dan optimum.

Namun, katanya, dengan pelaksanaan dasar itu, perjawatan baharu tidak lagi dilulus melainkan dibuat secara tukar ganti dengan perjawatan kosong sedia ada, manakala graduan perubatan, pergigian dan farmasi terpaksa menunggu lama untuk mendapat penempatan latihan siswazah atau khidmat wajib kerana faktor kekosongan jawatan tetap yang terhad.

"Dengan tawaran baharu ini, ia memberi peluang kepada doktor junior untuk bersaing mendapat tempat secara adil ke jawatan tetap.

"Kita akan mengiklankan jawatan ini secara terbuka pada Februari ini dan ia terbuka kepada mereka yang

sudah tamat latihan siswazah, berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia dan tiada kes tatatertib serta disahkan sihat.

"Mereka akan melalui tapisan awal dan proses ini akan dibuat secara telus, adil tanpa pilih kasih dan akan diteliti serta diumumkan oleh Ketua Pengarah (Kesihatan).

"Selepas itu, mereka akan melalui temu duga yang kita mohon akan dikendalikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

"Kita masih menunggu jawapan daripada SPA dan saya harap SPA akan mengendalikannya supaya pemilihan dibuat oleh badan bebas," katanya sambil menambah, mereka yang berjaya akan menerima surat tawaran lantikan yang bakal dikeluarkan SPA pada Jun ini.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

3 doktor antara 25 ditahan jual sijil vaksin palsu

Kuala Lumpur: Tiga doktor dan tiga jururawat antara 25 individu ditahan setakat ini kerana disyaki terbabit dengan penipuan penjualan sijil vaksin palsu.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Mohd Kamarudin Md Din, berkata turut ditahan 11 orang awam, tujuh ejen dan seorang kakitangan klinik.

Beliau berkata, penahanan individu berkenaan adalah hasil pengesanan sembilan kes penipuan penjualan sijil vaksin palsu yang dikesan di seluruh negara sejak bulan lalu.

"Kes terbaru adalah di Kinarut, Sabah yang mana seorang kakitangan klinik membuat laporan pada 4 Februari lalu yang memaklumkan seorang doktor dikatakan menjual sijil berkenaan.

"Susulan itu, suspek yang juga seorang doktor berusia 37 tahun ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 7 Februari lalu," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat JSJK Bukit Aman, di sini, semalam.

Mohd Kamarudin berkata, pihaknya turut menerima dua laporan di Selangor berkaitan pe-

nipuan penjualan kit ujian COVID-19 membabitkan kerugian RM710,000.

"Berdasarkan siasatan, kedua-dua mangsa yang juga ahli perniagaan mengadakan perbincangan dengan sebuah syarikat yang mendakwa boleh membantu dalam pembelian kit ujian pengesanan COVID-19 dari syarikat pengeluar di China, pada Januari lalu.

"Mengikut laporan, seorang mangsa membuat pembayaran RM600,000 bagi 100,000 kit ujian serta kos penghantarannya," katanya.

Beliau berkata, mangsa bagai-

manapun tidak menerima kit ujian yang dibeli sebelum membuat semakan terus dengan syarikat pengeluar di China dan mendapati tiada sebarang pesanan diterima pihak pengeluar selepas pembayaran dibuat.

"Kes ini disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana melakukan penipuan," katanya.

Beliau berkata, kebanyakan siasatan kes berkenaan sudah hampir selesai dan akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk arahan pertuduhan.

Selain itu, beliau berkata, polis mendapati sejak penularan CO-

VID-19 wujud permintaan tinggi untuk mendapatkan kit ujian pengesanan wabak itu yang mewujudkan modus operandi baharu berkaitan penipuan penjualan alat berkenaan.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai, termasuk peniaga supaya sentiasa berwaspada dan melakukan semakan sewajarnya sebelum membuat transaksi pembayaran terutama membabitkan jumlah yang banyak.

"Jangan terlalu ghairah dengan tawaran harga yang murah kerana dikhawatiri ia sekadar untuk memperdayakan," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Kes jangkitan harian kekal lima angka

Putrajaya: Kes harian COVID-19 di negara ini terus menunjukkan trend kenaikan serta kekal lima angka iaitu 19,090 kes dilaporkan setakat jam 12 tengah semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan itu menjadikan sehingga kini sebanyak 2,975,422 individu di negara ini dijangkiti.

Beliau berkata, daripada jumlah kes itu, 99.41 peratus atau 18,977 kes adalah dalam kategori satu dan dua iaitu tidak mempunyai gejala dan bergejala ringan.

"Daripada jumlah berkenaan sebanyak 4,998 kes (25.66 peratus) adalah pesakit COVID-19 dalam kategori satu dengan 14,079 kes (73.75 peratus) adalah pesakit kategori dua.

"Selain itu, 113 kes atau 0.59 peratus pula ialah pesakit kategori tiga hingga lima iaitu mempunyai radang paru-paru, memerlukan alat bantuan pernafasan dan kritikal. Daripada jumlah itu 79 kes dalam kategori tiga, kategori empat (28) dan kategori lima (enam kes)," katanya dalam Twitter.

Dalam perkembangan lain, Dr Noor Hisham berkata kadar kebolehjangkitan COVID-19 (Ro/Rt) pada jangkaan mengikut kes seharian kelmarin untuk seluruh negara adalah 1.47.

Labuan mencatatkan nilai Rt tertinggi iaitu 1.94, diikuti Sarawak (1.84), Sabah (1.73) dan Perlis (1.67), Putrajaya (1.46) dan Terengganu (1.42).

Negeri lain iaitu Pulau Pinang (1.38), Kedah (1.37), Johor (1.31), Kelantan (1.31), Pahang (1.30), Selangor (1.27), Perak (1.25), Kuala Lumpur (1.22), Negeri Sembilan (1.17) dan Melaka (1.19).

Penularan COVID-19

'Penduduk perlu proaktif kurangkan pergerakan'

Rakyat sudah dididik kesedaran sendiri, jangan tunggu arahan sekatan kerajaan

Kuala Lumpur: Pandemi COVID-19 yang melanda negara sejak dua tahun lalu sepatutnya sudah 'mendidik' rakyat Malaysia mengenai kesedaran sendiri serta mengambil inisiatif sendiri mengurangkan pergerakan di kawasan sesak selepas kenaikan mendadak kes jangkitan virus itu, baru-baru ini.

Pakar kesihatan pekerjaan, kecemasan dan kesihatan awam, Dr Hanafiah Bashirun, berkata orang ramai tidak perlu menunggu arahan sekatan pergerakan daripada kerajaan, sebaliknya mengambil langkah proaktif berbuat demikian dalam mengekang penularan varian Omicron yang merebak dengan pantas.

"Apabila kita nak menuju ke fasa endemik, kita tidak perlu tunggu kerajaan buat keputusan. Sebagai contoh, majikan yang bijak, bila dia nampak kes COVID-19 naik, mereka akan mengurangkan jumlah pekerja yang hadir ke pejabat dan membenarkan bekerja dari rumah.

"Kenapa nak tunggu Menteri Kesihatan Khairy (Jamaluddin)

buat pengumuman baru kita nak ambil tindakan. Sepatutnya apabila kita dah dapat maklumat (kenaikan kes) tindakan itu datang secara spontan," katanya ketika dihubungi BERNAMA.

Sebelum ini, Khairy mengemukakan bahawa negara kini sudah sepenuhnya berdepan gelombang varian Omicron dan kes harian COVID-19 yang dijangka terus meningkat.

Dr Hanafiah berkata, orang ramai perlu proaktif dan bertanggungjawab serta mengurangkan aktiviti sosial di luar sekiranya tiada keperluan dalam usaha menjaga kesihatan keluarga dan masyarakat sekeliling.

Beliau berkata, sektor pendidikan juga perlu mengambil tindakan proaktif sekiranya kes di sekolah menunjukkan trend peningkatan tanpa menunggu pengumuman daripada Kementerian Pendidikan.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (Surveilans) Kementerian Kesihatan (KKM), Dr Asiah Ayob berkata

masyarakat dan semua pihak boleh membantu mengekang penularan COVID-19 dengan mendapatkan vaksin lengkap dan dos penggalak.

"Selain itu, rakyat Malaysia yang berumur 60 tahun ke atas adalah golongan yang berisiko tinggi dan harus mendapatkan dos penggalak dengan segera.

"Terus kekal SOP (prosedur operasi standard) sedia ada dengan lebih rapi kerana ia terbukti berkesan untuk mencegah penularan jangkitan serta harus membudayakan tingkah laku baik ini iaitu mengamalkan 3W ('Wear, Wash and Warn') dan mengelakkan 3S (Sempti, Sesak dan Sembang Rapat)," katanya ketika diminta mengulas mengenai kenaikan kes, semalam.

Berdasarkan laman web COVID-19 KKM, kadar kebolehjangkitan (Rt) untuk seluruh negara pada Selasa, berada pada paras 1.39 dengan Sarawak merekodkan nilai tertinggi iaitu 1.68.

Ini diikuti Perlis (1.65), Sabah (1.59), Labuan (1.51), Terengganu

(1.40), Kedah (1.36), Putrajaya (1.35), Pulau Pinang (1.34), Pahang (1.28), Johor (1.26) dan Selangor (1.25).

Bagi Perak dan Kelantan masing-masing merekodkan Rt (1.24), Melaka (1.20), Kuala Lumpur (1.18) dan terakhir Negeri Sembilan (1.14) lapor BERNAMA.

Sementara itu, Pakar Kesihatan Awam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata orang ramai tidak perlu terlalu bimbang dengan peningkatan jangkitan COVID-19 yang terlalu mendadak beberapa hari lalu, sebaliknya disaran terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan oleh kerajaan.

Katanya, peningkatan kes COVID-19 yang dikesan Kementerian Kesihatan (KKM) itu adalah dari kategori 1 dan 2 yang tidak bergejala, namun tetap membimbangkan khusus kepada golongan rentan.

Katanya, walaupun dilaporkan virus Omicron tidak terlalu begitu mengancam, namun golongan rentan adalah kumpulan paling membimbangkan kerana mudah dijangkiti hingga ke tahap 3 dan 5 seterusnya membabitkan kematian.

"Sekurang-kurangnya lima peratus individu rentan dijangkiti berada pada tahap 3 dan 5, jadi kita tidak mahu perkara ini berlaku hingga mengakibatkan kematian dan memberi kesan kepada kesukaran untuk menuju endemik," katanya kepada BH, di sini, semalam.

Kenapa nak tunggu Menteri Kesihatan buat pengumuman baru kita nak ambil tindakan. Sepatutnya apabila kita dah dapat maklumat (kenaikan kes) tindakan itu datang secara spontan

Dr Hanafiah Bashirun,
Pakar kesihatan pekerjaan, kecemasan dan kesihatan awam



1.7 peratus populasi kanak-kanak terima dos pertama

Dari Muka 1

KKM melancarkan PICKids iaitu pemberian vaksin COVID-19 untuk kanak-kanak berusia 5 hingga bawah 12 tahun pada 3 Februari lalu. Mereka diberi vaksin mRNA iaitu Comirnaty 10mcg Concentrate for Dispersion (Pfizer BioNTech).

Hasil dapatan kajian klinikal vaksin ini menunjukkan keberkesanan sehingga 90.7 peratus serta berupaya untuk meningkatkan tindak balas imun yang tinggi terhadap penyakit COVID-19.

Program vaksinasi kanak-kanak ini memerlukan dua suntikan dos vaksin dengan sela masa lapan minggu selepas dos pertama.

Mengulas lanjut, Dr Noor Azmi

berkata vaksinasi kanak-kanak ini amat penting untuk membolehkan mereka bergerak dengan selamat ketika pandemik COVID-19 masih membelenggu negara.

"Mereka sudah mula bergerak ke mana-mana, termasuk kembali ke sekolah, ada juga ibu bapa yang bercuti membawa bersama anak, pergi kenduri kahwin pun membawa bersama anak-anak," katanya.

Menurut data dikongsi laman web COVIDNOW semalam, seramai 62,809 atau 1.7 peratus populasi kanak-kanak berusia antara lima hingga 11 tahun di negara ini telah menerima dos pertama vaksin COVID-19 setakat semalam.

Seramai 12,769,610 atau 54.5 peratus populasi dewasa telah menerima dos penggalak COVID-19

setakat semalam, sejumlah 22,933,328 individu atau 98 peratus daripada penduduk dewasa sudah melengkapkan vaksinasi mereka, manakala 99.2 peratus atau 23,208,714 lagi telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun pula, sejumlah 2,793,710 individu atau 88.8 peratus daripada populasi kumpulan itu telah melengkapkan vaksinasi mereka, manakala 2,871,310 individu atau 91.3 peratus lagi menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Baru-baru ini, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata 26 kanak-kanak meninggal dunia akibat COVID-19 dalam tempoh enam bulan yang lalu, manakala

lebih 147,000 kanak-kanak telah dijangkiti virus itu.

Dr Noor Azmi berkata, daripada 62,809 kanak-kanak yang berusia 5 hingga 11 tahun di seluruh negara yang sudah menerima dos pertama menerusi PICKids sehingga semalam, seramai 12,301 adalah di Sarawak.

Di JASIN, kerajaan negeri Melaka bercadang untuk mewujudkan pasukan vaksin bergerak ke sekolah dalam usaha mempercepatkan pemberian vaksin kepada kanak-kanak.

EXCO Kesihatan dan Antidadah negeri, Dr Muhammad Akmal Saleh, berkata pihaknya akan bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan negeri serta Jabatan Pendidikan negeri bagi memantapkan lagi pengurusan dan pemberian vaksin

menerusi PICKids.

Katanya, usaha pemberian vaksin bergerak itu bagaimanapun bergantung kepada permintaan pihak sekolah kepada Jabatan Pendidikan negeri serta Jabatan Kesihatan negeri.

"Saya faham, mungkin ibu bapa tiada masa untuk membawa anak mereka mendapatkan vaksin disebabkan kekangan kerja, sebab itulah kita bercadang untuk melaksanakan PPV bergerak ke sekolah-sekolah bagi memudahkan kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun itu mendapatkan vaksin," katanya selepas merasmikan PICKids peringkat negeri di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Datuk Haji Ahmad Ithnin, Merlimau, Melaka, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : LOKAL

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menasihatkan orang ramai supaya mengelakkan daripada mendapatkan perkhidmatan perubatan estetik yang ditawarkan di rumah, hotel, spa/salon kecantikan atau premis lain yang meragukan.

Pengarah Bahagian Amanan KKM Dr Mohd Azman Yacob berkata, ini kerana prosedur itu berpotensi untuk menyebabkan berlakunya komplikasi kesihatan, kecacatan serta kematian kepada pelanggan jika di-

Pendedahan Harian Metro: KKM Beri maklum balas

kendalikan individu yang tidak berkelayakan.

"Prosedur perubatan estetik juga mempunyai senarai kontraindikasi yang hanya boleh dikenal pasti oleh pengamal perubatan sahaja," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas pendedahan Harian Metro melalui lapo-

ran khas secara eksklusif melaporkan terdapat lebih 20 pusat kecantikan atau medspa di Lembah Klang dan beberapa negeri di utara serta selatan tanah air didalangi pakar bedah warga asing yang menjalan-

kan prosedur pembedahan untuk rawatan berkenaan dengan harga bajet.

Dalam perkembangan sama, Dr Mohd Azman berkata, KKM menasihatkan orang ramai supaya lebih berhati-hati apabila

mendapatkan perkhidmatan perubatan estetik bagi mengelak berlaku komplikasi kesihatan jika menggunakan khidmat daripada mereka yang tidak berdaftar.

Katanya, perkhidmatan perubatan estetik hanya boleh diberikan pengamal perubatan berdaftar yang bertauliah di premis yang berdaftar atau dilesenkan di bawah KKM.

"Hanya pengamal perubatan berdaftar yang ditauliahkan dengan *Letter of Credentialing & Privileging of*

Aesthetic Medical Practice (LCP) sahaja yang dibenarkan untuk menjalankan prosedur perubatan estetik seperti pembedahan plastik (termasuk *rhinoplasty, alarplasty, liposuction*, kelopak *mata/blepharoplasty* dan sebagainya), suntikan botox dan *filler, laser, High Intensity Focused Ultrasound (Hifu)* dan lain-lain lagi.

"Sebarang aduan berkenaan perkhidmatan perubatan estetik boleh disalurkan kepada amp@moh.gov.my atau ckaps.aduan@moh.gov.my," katanya.

Kontraindikasi
hanya boleh dikenal
pasti oleh pengamal
perubatan

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : COVID-19

Hanya imbas kod QR

Pemeriksaan suhu tidak wajib di institusi pendidikan bawah KPM

Kuala Lumpur

Pemeriksaan suhu badan di premis institusi pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak diwajibkan berkuat kuasa hari ini.

KPM dalam satu kenyataan semalam memaklumkan bagaimana, semua guru, anggota kumpulan pelaksana (AKP), pekerja perkhidmatan sokongan dan

pelawat masih diwajibkan mengimbas kod QR melalui aplikasi MySejahtera sebelum memasuki premis institusi pendidikan bawah KPM.

"Sebagai langkah keselamatan, ibu bapa atau penjaga dimohon supaya memastikan anak atau anak janda mereka berada dalam keadaan sihat dan tidak bergejala sebelum hadir ke sekolah," menurut kenyataan itu.

Ketetapan itu dibuat susulan pengumuman Menteri Kanan Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Hussein pada Selasa berkaitan pemansuhan prosedur operasi standard (SOP) pemeriksaan suhu badan dan buku rekod mendaftarkan masuk di premis bermula hari ini.

KPM berkata murid yang bergejala atau mempunyai ahli keluarga yang disahkan positif serta tinggal seru-

mah, tidak dibenarkan hadir ke sekolah.

Menurutnya tahap kesihatan murid di sekolah akan dipantau secara berterusan bagi memastikan murid yang bergejala diasingkan di bilik isolasi untuk tindakan selanjutnya.

"KPM juga menyarankan agar ketetapan ini turut terpakai di semua institusi pendidikan yang tidak berdaftar dengan KPM," katanya.

62,809 kanak-kanak terima dos pertama

Kuala Lumpur: Sebanyak 62,809 atau 1.7 peratus populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di negara ini menerima dos pertama vaksin Covid-19 setakat kelmarin.

Kanak-kanak berkenaan menerima suntikan vaksin melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) yang dilancarkan 3 Februari lalu dan kerajaan menetapkan sela masa selama lapan minggu antara

dos pertama dan kedua.

Berdasarkan data menerusi laman web COVID-NOW, seramai 12,769,610 atau 54.5 peratus populasi dewasa di negara ini menerima dos penggalak Covid-19 setakat kelmarin.

Sejumlah 22,933,328 individu atau 98 peratus daripada kumpulan itu melengkapkan vaksinasi mereka manakala 99.2 peratus atau 23,208,714 lagi menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Golongan ibu bapa perlu yakin PICKids

Kota Bharu: Golongan ibu bapa perlu yakin dengan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) yang dijalankan oleh kerajaan dan jangan sesekali terpengaruh dengan dakwah yang disebarkan oleh pihak tertentu khususnya melalui media sosial.

Mufti Kelantan Datuk Mohamed Shukri Mohamed berkata pengaruh media sosial yang mengatakan kemungkinan adanya kesan sampingan menyebabkan ada golongan ibu bapa bimbang menyenaraikan anak mereka untuk divaksin.

Beliau berkata suntikan vaksin ke atas kanak-kanak berusia antara lima hingga 11 tahun yang dimulakan oleh kerajaan baru-baru ini sudah pun diputuskan oleh

Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) dan mengikut garis panduan yang dibenarkan.

"Apa yang kita lihat sekarang kanak-kanak di seluruh dunia sudah pun mengambil vaksin dan terbukti ia baik untuk kanak-kanak. Dari segi aspek mudarat kalau kita tengok majoriti seluruh dunia sudah mengambil vaksin dos satu, dua dan tiga untuk dewasa dan terbukti berkesan."

"Sekarang adalah permulaan vaksin untuk kanak-kanak. Bagi pendapat saya masyarakat tidak perlu mengambil serius perkara ini kerana sebelum ini banyak vaksin telah diberikan kepada kanak-kanak dan kenapa ketika itu masyarakat tidak bising?" katanya ketika dihubungi.



SEYONAA Paras Doshi bergambar bersama ibunya Jarna Shah selepas menerima suntikan vaksin pada Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) di Hospital Tuanku Fauziah, Kangar, semalam.

Kenapa nak tunggu menteri umum?

Kuala Lumpur: Pandemi Covid-19 yang melanda negara sejak dua tahun lalu sepatutnya sudah 'mendidik' rakyat Malaysia mengenai kesedaran sendiri dan mengambil inisiatif mengurangkan pergerakan di kawasan sesak selepas kenaikan mendadak kes jangkitan virus itu, baru-baru ini.

Pakar kesihatan pekerjaan, kecemasan dan kesihatan awam Dr Hanafiah Bashirun berkata, orang ramai tidak perlu menunggu arahan sekatan pergerakan daripada kerajaan sebaliknya mengambil langkah proaktif berbuat demikian dalam mengekang penularan varian Omicron yang merebak dengan pantas.

"Apabila kita nak menuju ke fasa endemik, kita tidak perlu tunggu kerajaan buat keputusan. Sebagai contoh, majikan yang bijak, bila dia nampak kes Covid-19 naik,



Sepatutnya apabila kita dah dapat maklumat, tindakan itu datang secara spontan"

Dr Hanafiah

mereka akan mengurangkan jumlah pekerja yang hadir ke pejabat dan membenarkan bekerja dari rumah.

"Kenapa nak tunggu Menteri Kesihatan Khairy (Jamiluddin) buat pengumuman baru kita bertindak. Sepatutnya apabila kita dah dapat maklumat (kenaikan kes) tindakan itu datang secara spontan," katanya ketika dihubungi, di sini.

Sebelum ini, Khairy mengumumkan negara kini sudah sepenuhnya berde-

pan dengan gelombang varian Omicron serta kes harian Covid-19 yang dijangka terus meningkat.

Mengulas lanjut, Dr Hanafiah berkata, orang ramai perlu proaktif dan bertanggungjawab serta mengurangkan aktiviti sosial di luar sekiranya tiada keperluan dalam usaha menjaga kesihatan keluarga dan masyarakat sekeliling.

Beliau berkata, sektor pendidikan juga perlu mengambil tindakan proaktif sekiranya kes di sekolah menunjukkan trend peningkatan tanpa menunggu pengumuman daripada Kementerian Pendidikan.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (Survelan) Kementerian Kesihatan (KKM) Dr Asiah Ayob berkata, masyarakat dan semua pihak boleh membantu mengekang penularan Covid-19 dengan

mendapatkan vaksin lengkap dan dos penggalak.

"Selain itu, rakyat Malaysia yang berusia 60 tahun ke atas adalah golongan yang berisiko tinggi dan harus mendapatkan dos penggalak dengan segera."

"Terus kekal SOP (prosedur operasi standard) sedia ada dengan lebih rapi kerana ia terbukti berkesan untuk mencegah penularan jangkitan serta harus membudayakan tingkah laku baik ini iaitu mengamalkan 3W (Wear, Wash and Warn) dan mengelakkan 3S (Sempti, Sesak dan Sembang Rapat)," katanya ketika diminta mengulas mengenai kenaikan kes Covid-19.

Berdasarkan laman sesawang Covid-19 KKM, kadar kebolehtingkitan (Rt) untuk seluruh negara pada Selasa lalu, berada pada paras 1.39 dengan Sarawak merekodkan nilai tertinggi 1.68.

Wujudkan pasukan vaksin bergerak

Jasin: Kerajaan negeri bercadang mewujudkan pasukan vaksin bergerak ke sekolah dalam usaha mempercepat pemberian vaksin kepada kanak-kanak.

Exco Kesihatan dan Antidadah negeri, Dr Muhammad Akmal Saleh berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan negeri serta Jabatan Pendidikan negeri bagi memantapkan lagi pengurusan dan pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) itu.

Katanya, usaha pemberian vaksin bergerak itu bagaimanapun bergantung kepada permintaan pihak sekolah kepada Jabatan

Pendidikan Negeri (JPN) serta Jabatan Kesihatan Negeri.

"Saya faham, mungkin ibu bapa tiada masa untuk membawa anak mereka mendapatkan vaksin disebabkan kekangan kerja, sebab itulah kita bercadang melaksanakan pusat pemberian vaksin bergerak ke sekolah-sekolah bagi memudahkan kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun mendapatkan vaksin."

"Langkah terabit dijangka mempercepatkan lagi PICKids di Melaka," katanya selepas merasmikan PICKids peringkat negeri di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Datuk Haji Ahmad Ithnin, Merlimau di sini, semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : LOKAL



“
Kami menerima
laporan daripada
seorang staf klinik
4 Februari lalu
Mohd Kamarudin

lokal

3 doktor ditahan

Antara 25 individu terbabit penjualan sijil vaksin palsu

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seramai 25 individu termasuk tiga doktor disyaki terbabit penjualan sijil vaksin palsu membabitkan sembilan kes penipuan dikesan di seluruh negara sehingga semalam.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman Datuk Mohd Kamarudin Md Din berkata, daripada jumlah itu, tiga yang ditahan adalah doktor, tiga jururawat, 11 orang awam, tujuh ejen dan seorang staf klinik.

“Ada sembilan kes yang kita kesan setakat ini dengan kebanyakan siasatan kes berkenaan sudah hampir selesai dan akan dirujuk kepada timbalan pendakwa raya untuk arahan tuduh.

“Kes lain berkaitan isu ini yang masih dalam siasatan juga akan diselesaikan dalam masa terdekat,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat JSJK Bukit Aman di sini, semalam.

Mohd Kamarudin berkata, kes terbaru yang dikesan pihaknya membabitkan sijil vaksin palsu dilaporkan di Kinarut, Sabah pada minggu lalu.

“Kami menerima laporan daripada seorang staf klinik pada 4 Februari lalu yang melaporkan seorang doktor melakukan aktiviti penjualan sijil vaksin palsu.

“Suspek yang juga doktor berusia 37 tahun ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 7 Februari lalu,” katanya.

Dalam kes berasingan, beliau berkata, polis menerima dua laporan di Selangor berkaitan penipuan penjualan kit ujian Covid-19 memba-

bitkan kerugian RM710,000.

Katanya, sejak penularan wabak Covid-19, wujud permintaan tinggi untuk mendapatkan kit ujian pengesanan Covid-19 yang mewujudkan modus operandi baharu berkaitan penipuan penjualan alat berkenaan.

“Berdasarkan siasatan dilakukan, kedua-dua mangsa yang juga ahli perniagaan mengadakan perbincangan dengan sebuah syarikat yang mendakwa boleh membantu dalam pembelian kit ujian pengesanan Covid-19 dari syarikat pengeluar di China pada Januari lalu.

“Mengikut laporan dibuat, seorang daripada mangsa memaklumkan dia membuat pembayaran sebanyak RM600,000 bagi 100,000 kit ujian yang termasuk dengan kos penghantaran,” katanya.

Menurutnya, selepas pembayaran dibuat, mangsa tidak menerima kit ujian yang dibeli sebelum membuat semakan terus dengan syarikat pengeluar di China dan mendapati tiada sebarang pesanan diterima pihak pengeluar.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksamaan kerana melakukan penipuan,” katanya.

Beliau menasihatkan orang ramai termasuk perniagaan supaya sentiasa berwaspada dan melakukan semakan sewajarnya sebelum membuat transaksi pembayaran terutama membabitkan jumlah yang banyak.

“Jangan terlalu ghairah dengan tawaran harga yang murah kerana dikhuatiri ia sekadar untuk memperdayakan.

“Sebarang keraguan, nasihat mahupun penyaluran maklumat berkaitan jenayah komersial boleh dibuat dengan menghubungi CCID Response Center di talian 03-26101559/03-26101599,” katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 10
 RUANGAN : COVID-19

Buka PPV di sekolah

KKM sasar 2 juta murid sudah kembali belajar terima vaksin

Oleh Mohd Roji Kawi
 am@hmetro.com.my

Kuching

Pusat pemberian vaksin (PPV) sekolah akan dibuka di seluruh negara bermula selewat-lewatnya Isnin depan bagi pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kanak-Kanak (PICKids).

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, pemberian vaksin bagi kanak-kanak lima hingga 11 tahun amat penting bagi melindungi mereka daripada risiko jangkitan Covid-19.

Menurutnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mensasarkan 70 peratus kanak-kanak yang layak akan mendapat dos pertama dalam tempoh dua bulan pertama ini dan lengkap dua dos dalam tempoh enam bulan menerusi pelaksanaan PICKids.

"Sebab itu, kita akan memulakan PPV di seluruh sekolah selewat-lewatnya 14 Februari ini supaya kita dapat mencapai sasaran 70 peratus atau dua juta anak-anak yang sudah kembali ke sekolah menerima vaksin.

"KKM prihatin dengan keselamatan anak-anak dan mengambil langkah awal melaksanakan PICKids kerana kajian mendapati 90.7 peratus adalah efektif," katanya selepas mengadakan lawatan meninjau pelaksanaan PICKids di Klinik Kesihatan (KK) Batu Kawa, semalam.

Mengulas lanjut beliau berkata, daripada 62,809 kanak-kanak yang sudah berumur antara lima hingga 11 tahun di seluruh negara yang sudah menerima dos pertama menerusi PICKids sehingga semalam, seramai 12,301 adalah di Sarawak.

Beliau berkata, Sarawak layak digelar Darul Vaksin



DR Noor Azmi

susulan kesungguhan kerajaan negeri membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaksanakan program vaksinasi Covid-19.

Menurutnya, gelaran itu diberikan oleh Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, yang kagum dengan ketekunan serta fokus semua yang terlibat dalam program vaksinasi di Sarawak sehingga peratusan rakyat yang menerima vaksin kini mendahului negeri lain.

"Ketika ini kira-kira 40 peratus daripada jumlah yang menerima vaksin di seluruh negara adalah di Sarawak dan ketika saya menghubungi KJ (Khairy) hari ini, beliau berkata, Sarawak adalah Darul Vaksin, maknanya negeri vaksin kerana berjaya mencapai peratusan tertinggi yang menerima vaksin di negara ini.

"Sehingga kini, sebanyak 1.8 juta atau 91.9 peratus populasi dewasa yang berumur 18 tahun ke atas dan 259,923 atau 88.7 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun, menjadikan keseluruhan 75.8 peratus populasi Sarawak sudah menerima vaksin. Bagi dos penggalak dalam kalangan yang layak di Sarawak pula, sebanyak 84 peratus sudah menerimanya," katanya.

37 kes import Omicron dikesan di Kelantan

Kota Bharu: Terdapat 37 varian Omicron yang dikesan di Kelantan sehingga kelmarin dengan semuanya adalah kes import.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, daripada jumlah itu, 31 kes adalah sporadik dan enam kes membabitkan kluster.

Selain itu, katanya, varian Delta pula dikesan 189 kes dan varian Beta 27 kes. Jumlah keseluruhan ketiga-tiga varian itu adalah 253 kes.

"Penularan varian Omicron ini amat membimbangkan, namun ia terkawal berikutan pesakit menjalani kuarantin sendiri yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Pada masa sama, kontak

rapat juga mengambil tanggungjawab apabila membuat ujian saringan termasuk yang tidak mempunyai gejala," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Zaini berkata, walaupun jangkitan varian Omicron ini tidak serius dan hanya bergejala ringan, namun ia cepat tersebar jika tidak mengambil langkah pencegahan awal.

Beliau berkata, pada masa sama, kes di Kelantan dalam tempoh dua hari ini melebihi angka 1,000 dengan jumlah semalam adalah sebanyak 1,222 kes.

"Terdapat dua kluster baharu yang dikesan iaitu Kluster Beta Hulu di Kota Bharu dengan kumulatif 30 kes dan Kluster Kampung



TIMBALAN Menteri Kesihatan Datuk Dr Noor Azmi Ghazali (duduk kanan) menyuntik vaksin Covid-19 kepada seorang kanak-kanak pada lawatan ke pusat pemberian vaksin kanak-kanak di Pusat Kesihatan Batu Kawa, Kuching, semalam.

Gatal, Kuala Krai sebanyak 23 kes.

"Dua kluster itu adalah bidang pendidikan yang membabitkan Sekolah Menengah

Kebangsaan dan Sekolah Kebangsaan yang menjadikan keseluruhan kluster pendidikan setakat ini adalah 36 kluster," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 23
RUANGAN : LOKAL

19,090 kes baharu Covid-19

Kuala Lumpur: Kes baharu Covid-19 dalam negara, semalam melonjak kepada 19,090 kes berbanding 17,134 kes kelmarin, menjadikan jumlah kumulatif kes Covid-19 meningkat kepada 2,975, 422, kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Kali terakhir Malaysia merekodkan kes baharu Covid-19 melepasi paras

19,000 adalah pada 15 September tahun lalu dengan 19,495 kes.

Menerusi laman sosial Twitter rasminya, Dr Noor Hisham berkata, 99.41 peratus atau 18,977 daripada jumlah kes baharu itu adalah dalam kategori satu dan dua manakala 13 kes lagi atau 0.59 peratus berada dalam kategori tiga, empat serta lima.

Kategori satu dan dua merujuk kepada pesakit yang tidak mempunyai gejala dan bergejala ringan.

Manakala, kategori tiga membabitkan jangkitan paru-paru, kategori empat (jangkitan paru-paru dan memerlukan oksigen), sementara kategori lima (kritikal, organ rosak serta memerlukan bantuan ventilator).

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA

Doktor kontrak isi 4,186 jawatan tetap

PUTRAJAYA – Jemaah Menteri bersetuju untuk melantik seramai 3,586 pegawai perubatan, 300 pegawai pergigian dan 300 pegawai farmasi bagi mengisi 4,186 jawatan tetap tambahan yang diwujudkan di Kementerian Kesihatan (KKM) tahun ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, KKM dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Januari lalu telah membentangkan satu memorandum membincangkan tentang Tawaran Baharu berhubung keperluan perjawatan tetap tambahan serta hala tuju berkaitan pegawai perubatan, pergigian dan farmasi kontrak.

"Lantikan bagi perjawatan tetap tambahan ini akan dibuat bermula Jun 2022. Jemaah Menteri bersetuju agar sekurang-kurangnya 1,500 jawatan tetap Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi diwujudkan di KKM setiap tahun mulai 2023 hingga 2025.

"Jemaah Menteri juga bersetuju supaya sebanyak 800 jawatan tetap Pakar Perubatan dan 70 Pakar Pergigian diwujudkan di KKM setiap tahun mulai 2023 bagi menampung keluaran pakar perubatan tetap di fasiliti kesihatan di bawah KKM," katanya pada sidang akhbar selepas sesi takli-

mat umum di sini semalam.

Ujarnya, melalui keputusan terbaharu ini, sekurang-kurangnya 8,586 perjawatan tetap tambahan melibatkan pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi diwujudkan sepanjang tempoh 2022 hingga 2025.

"Sebagai tambahan juga, 800 lagi lantikan tetap untuk pegawai perubatan dan 70 pegawai pergigian boleh dibuat setiap tahun bagi mengisi kekosongan yang ditinggalkan pegawai perubatan yang akan dilantik menjadi pakar perubatan," katanya.

Jelasnya, pelan hala tuju juga sedang dibangunkan KKM bersama agensi dan kementerian berkaitan bagi mencari penyelesaian jangka pendek, sederhana dan panjang berhubung kemelut pegawai lantikan kontrak ini.

"Antaranya menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Sarjana Muda Perubatan (SMP), SMP Pergigian bagi optimumkan kapasiti penawaran program dan mengawal kualiti graduan.

"Selain itu, menilai dan mengemas kini senarai Jadual Kedua Akta Perubatan 1971; melaksanakan Peperiksaan Kelayakan Profesional menangani isu kualiti dan kompetensi graduan; dan memperkukuhkan Program Pengajian Kepakaran Kebangsaan," ujarnya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NEGARA

Kes terbaharu babitkan kegiatan penipuan dikesan di Kinarut Sabah

Tiga doktor ditahan jual sijil vaksin

Oleh NOR AZIAH MAT NOH

KUALA LUMPUR – Polis menahan seramai 25 individu berhubung kegiatan penipuan jual sijil vaksin palsu yang dikesan sepanjang bulan lalu.

Mereka terdiri daripada tiga doktor, tiga jururawat, tujuh ejen, seorang pembantu klinik dan 11 orang awam.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Mohd. Kamarudin Md. Din berkata, sebanyak sembilan kes penipuan itu direkodkan setakat ini dan kebanyakan kertas siasatan sudah dilengkapkan.

"Kebanyakan siasatan kes sudah hampir selesai dan akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk arahan selanjutnya," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut Kamarudin, pihaknya mengesan kes baharu berhubung penjualan sijil vaksin palsu di Kinarut, Sabah pada minggu lalu.

Jelas beliau, pihaknya menerima laporan daripada seorang kakitangan klinik yang memaklumkan seorang doktor melakukan aktiviti penjualan sijil vaksin palsu pada Jumaat lalu.

"Siasatan lanjut polis kemudian membawa kepada penan-




KAMARUDIN

hanan seorang doktor berusia 37 tahun di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, Selangor pada 7 Februari lalu," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Kamarudin memberitahu, pihaknya mengesan aktiviti penipuan penjualan kit ujian Covid-19 sehingga menyebabkan mangsa mengalami kerugian sebanyak RM710,000 di Selangor.

"Kita menerima dua laporan daripada dua ahli perniagaan yang terlibat dalam urusan jual beli dengan sebuah syarikat mendakwa menjalankan pembelian kit ujian Covid-19 daripada syarikat pengeluar di China pada Januari lalu.

"Salah seorang mangsa membuat pembayaran sebanyak



SEBAHAGIAN sijil vaksinasi Covid-19 yang dirampas pihak berkuasa di Terengganu pada bulan lalu.

RM600,000 bagi pembelian 100,000 kit ujian termasuk kos penghantaran, namun barangan tersebut tidak diterima," katanya.

Beliau menjelaskan, mangsa kemudian membuat semakan dengan syarikat pengeluar di ne-

gara terbabit dan mendapati tiada sebarang pesanan diterima.

"Susulan itu, kertas siasatan telah dibuka berhubung penipuan penjualan kit itu.

"Kita mendapati sejak penularan Covid-19, wujud permintaan tinggi untuk mendapat-

kan kit ujian pengesanan wabak itu yang mewujudkan modus operandi baharu berkaitan penipuan penjualan alat berkenaan," katanya.

Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana kesalahan menipu.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Booster Pfizer, AZ lebih berkesan berbanding Sinovac

SHAH ALAM -

Data negara dan global menunjukkan pengambilan dua dos vaksin Sinovac diikuti dengan dos penggalak Pfizer atau AstraZeneca (AZ) lebih berkesan berbanding dos ketiga Sinovac terutamanya dalam mengawal jangkitan varian Omicron.

Pengarah Institut Penyelidikan Klinikal (ICR), Dr Kalai Peariasamy menerusi ciapan di Twitternya berkata, meskipun vak-

**DR KALAI PEARIASAMY**

sin dos ketiga Sinovac diambil, namun tahap meneutralkan antibodi masih rendah.

"Kenyataan ICR memaklumkan bahawa antara penerima Sinovac, penggalak heterolog iaitu vaksinasi Sinovac utama, diikuti dengan penggalak Pfizer menawarkan perlindungan yang lebih besar terhadap jangkitan Covid-19 daripada dos penggalak homolog (tiga dos Sinovac)," kata kenyataan tersebut pada Khamis.

Menurut kenyataan itu, selaras

dengan bukti dan gelombang Omicron yang berterusan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terus mengesyorkan Pfizer atau AZ sebagai penggalak pilihan untuk penerima vaksin Sinovac.

"Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) menasihatkan mana-mana negara yang sedang mempertimbangkan jadual penggalak heterolog, bergantung pada ketersediaan produk, vaksin mRNA atau vaksin vektor virus boleh dianggap sebagai dos ketiga bagi mereka yang menerima vaksin tidak aktif untuk dos awal," tambah kenyataan tersebut.

19,090 kes baharu positif Covid-19

PUTRAJAYA - Sebanyak 19,090 lagi kes baharu direkodkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada Khamis.

Angka tersebut merupakan hari kedua berturut-turut melepasi jangkaan KKM iaitu 15,000 kes harian ketika negara telah memasuki gelombang Omicron.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, 18,977 kes atau 99.41 peratus merupakan kategori satu dan dua.

"Bilangan kategori tiga hingga lima adalah 113 iaitu 0.59 kes," kata beliau.

Menurutnya, berdasarkan perincian kategori, sebanyak 4,898 kes berada pada kategori satu dan 14,079 kes pula kategori dua.

"Bagi kategori tiga, KKM mencatatkan 79 kes, kategori empat (28) dan kategori lima (enam)," katanya.

Jumlah kumulatif kes positif Covid-19 adalah 2,975,422.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Tiga doktor ditahan kes sijil vaksin palsu

Turut ditahan ialah tiga jururawat, seorang staf klinik, tujuh ejen dan 11 orang awam

Oleh AHMAD ISMAIL

KUALA LUMPUR

Seramai 25 individu termasuk tiga doktor ditahan membabitkan sembilan kes penipuan penjualan sijil vaksin palsu yang dikesan di seluruh negara sejak bulan lalu.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Mohd Kamarudin Md Din berkata, daripada jumlah itu, turut ditahan membabitkan tiga jururawat, 11 orang awam, tujuh ejen dan seorang staf klinik.

"Kebanyakan siasatan kes berkenaan sudah hampir selesai dan akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk arahan pertuduhan," katanya ketika ditemui pada sidang akhbar di Ibu Pejabat JSJK Bukit Aman di sini pada Khamis.

Mohd Kamarudin berkata, kes terbaharu yang dikesan pihaknya membabitkan sijil vaksin palsu dilaporkan di Kinarut, Sabah pada minggu lalu.

"Kita menerima laporan da-



Seramai 25 individu termasuk tiga doktor ditahan membabitkan sembilan kes penipuan penjualan sijil vaksin palsu yang dikesan di seluruh negara sejak bulan lalu.

ri pada seorang staf klinik pada 4 Februari lalu yang melaporkan seorang doktor melakukan aktiviti penjualan sijil vaksin palsu.

"Suspek berkenaan yang juga seorang doktor berusia 37 tahun ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 7 Februari lalu," katanya.

Dalam kes berasingan, Mohd Kamarudin berkata, pihaknya menerima dua laporan di Selangor berhubung kes penipuan berkaitan tawaran penjualan kit ujian covid-19 yang tidak wujud melibatkan kerugian keseluruhan berjumlah RM710,000.

"Berdasarkan siasatan,



MOHD KAMARUDIN

kedua-dua mangsa yang juga ahli perniagaan telah mengadakan perbincangan dengan sebuah syarikat yang mendakwa boleh membantu dalam pembelian kit ujian pengesanan Covid-19 daripada syarikat pengeluar di China.

"Setelah pembayaran dilunaskan, kit ujian yang dibeli tidak diterima. Mangsa seterusnya membuat semakan terus dengan syarikat pengeluar di China dan mendapati tiada sebarang pesanan diterima oleh pihak pengeluar," katanya.

Mohd Kamarudin memaklumkan, kes itu disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Kanak-kanak daftar PICKids masih rendah di Melaka

JASIN - Hanya 15,000 kanak-kanak di bawah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Melaka didaftarkan untuk Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) melalui MySejahtera sejak Januari lalu.

Exco Kesihatan dan Antidadah negeri, Dr Muhammad Akmal Saleh berkata, angka itu dilihat masih rendah berbanding jumlah kanak-kanak yang layak menerima vaksin ialah seramai 98,600 orang termasuk 57,828 kanak-kanak berusia 5 hingga 11 tahun.

Bagaimanapun, beliau menjangkakan bilangan berkenaan akan bertambah kerana memahami perasaan ibu bapa yang mahu mengambil sikap tunggu dan lihat pengalaman kanak-kanak lain divaksin.

Menurutnya, setakat ini seramai 10,360 kanak-kanak telah menerima vaksin di tujuh Pusat Pemberian Vaksin (PPV) termasuk tiga PPV di daerah

Melaka Tengah dan dua PPV di Jasin serta Alor Gajah dalam tempoh 8 hingga Februari lalu.

"Walaupun vaksinasi tidak wajib kepada kanak-kanak tetapi bagi ibu bapa kita perlu menilai risiko lebih tinggi.

"Hari ini risiko mendapat kesan sampingan vaksin adalah 0.001 peratus tetapi risiko anak-anak untuk mendapat jangkitan Covid-19 di negeri ini lebih tinggi iaitu sebanyak 13.9 peratus," katanya.

